

**GARIS PANDUAN
NORMA AGIHAN DAN TATACARA PENGGUNAAN *DONGLE* UNTUK
SEKOLAH-SEKOLAH DI SELURUH NEGARA DI BAWAH KEMENTERIAN
PELAJARAN MALAYSIA (KPM) BAGI TUJUAN AKSES INTERNET DAN
VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT (VLE) DALAM PROJEK
PERKHIDMATAN 1BESTARINET**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada sekolah-sekolah mengenai norma agihan dan tatacara penggunaan *dongle* bagi tujuan mengakses internet dan juga VLE dalam projek perkhidmatan 1BestariNet oleh guru-guru dan seluruh warga sekolah yang memerlukan penggunaannya (pengguna) di sekolah-sekolah KPM.

2. DEFINISI

- 2.1 Internet adalah infrastruktur lebar jalur yang dibekalkan kepada sekolah-dalam Projek Perkhidmatan 1BestariNet.
- 2.2 VLE ialah satu pelantar pengajaran dan pembelajaran yang berupaya untuk mengurus dan menyimpan objek pembelajaran bagi membolehkan guru-guru mengaksesnya pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
- 2.3 *Dongle* adalah peranti mudah alih yang digunakan pada komputer untuk mengakses internet dan VLE di dalam 1BestariNet.

3. LATAR BELAKANG

Selain dari pembekalan *Zoom* di sekolah-sekolah untuk mengakses internet di dalam 1BestariNet di kawasan-kawasan yang telah ditentukan oleh pihak sekolah, kontraktor juga akan membekalkan *dongle* yang bertujuan memberi tambahan liputan di kawasan-kawasan lain di persekitaran sekolah termasuklah di bilik-bilik darjah dan juga kawasan-kawasan umum yang sering digunakan oleh guru-guru. Oleh itu penggunaan *dongle* ini akan dapat membantu guru-guru bergerak di mana-mana kawasan liputan 1BestariNet termasuk di bilik-bilik darjah dan sekolah-sekolah yang lain yang mana akses kepada 1BestariNet dapat diperolehi.

4. NORMA AGIHAN DAN TATACARA PENGGUNAAN

- 4.1 Norma agihan yang ditetapkan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- 4.2 Penggunaannya juga adalah tertakluk kepada Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DKICT) KPM.

5. KELULUSAN

Garis Panduan ini hendaklah menjadi asas kepada semua Pengetua/Guru Besar dalam pertimbangan untuk mengagihkan *dongle* tersebut kepada guru-guru .

LAMPIRAN A

1. JUSTIFIKASI AGIHAN

- a. Kuantiti *dongle* yang dibekalkan adalah bergantung kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu:
 - i. Bilangan guru di sekolah;
 - ii. Bilangan bilik darjah;
 - iii. Persekitaran rangkaian di sekolah;
 - iv. Kadar penggunaan ICT yang tinggi di kalangan guru dan
 - v. Justifikasi lain yang difikirkan sesuai.
- b. Keluasan kawasan sekolah berdasarkan bilangan blok dan juga bilik-bilik khas.
- c. Keutamaan agihan *dongle* ialah kepada guru-guru di sekolah.

2. NORMA AGIHAN

- a. Kuantiti *dongle* yang dibekalkan ialah minimum 5 unit dan maksimum 20 unit bagi setiap sekolah berdasarkan justifikasi yang telah ditetapkan kecuali bagi kes-kes yang tertentu yang boleh diagihkan sehingga 30 unit.
- b. Jadual Agihan Untuk Guru:

Bil.	Bil. Guru	Bil. Agihan <i>Dongle</i> (Unit)	Catatan
i.	Di bawah 20	5	Garis Panduan 1(a)(ii) adalah terpakai dan perlu dipertimbangkan (Rujuk juga justifikasi para 2 c.) <i>*jika kadar atau pembudayaan penggunaan internet di sekolah terbabit adalah tinggi di kalangan guru, sekolah boleh memohon pertambahan dan bergantung kepada stok yang ada</i>
ii.	21 hingga 40	10	
iii.	41 hingga 60	15	
iv.	61 hingga 100 dan ke atas	20	
v.	101 dan ke atas	30*	

- c. Justifikasi Keperluan Agihan Berdasarkan Bilik Darjah dan Kemudahan Infrastruktur Internet:
 - i. Bilangan bilik darjah yang kurang dari 10 hingga 15 dan mempunyai liputan 4G yang meluas maka bilangan agihan *dongle* adalah 5 unit.
 - ii. Bilangan bilik darjah melebihi 15 hingga 30 dan mempunyai liputan 4G yang meluas maka bilangan agihan *dongle* adalah 10 unit.
 - iii. Sekolah mempunyai kemudahan wireless seluruh sekolah dan liputan 4G yang meluas bilangan *dongle* ialah 15 unit.
 - iv. Sekolah yang tidak mempunyai kemudahan *wireless* dan liputan 4G terhad maka bilangan agihan *dongle* ialah 20 unit.
- d. Setiap *dongle* boleh mengakses kepada VLE di mana-mana sahaja kawasan yang mempunyai kawasan liputan 1BestariNet termasuk di sekolah-sekolah lain.
- e. Setiap *dongle* boleh mengakses kepada platform VLE dengan akses tanpa had. Walau bagaimanapun akses kepada internet mempunyai had akses pelan data sebanyak 1.5 GB.

3. TATACARA

- a. Semua *dongle* yang dibekalkan adalah hakmilik syarikat dan pihak sekolah dimohon untuk memberi kerjasama dalam memastikan bahawa ia sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- b. Pengetua/Guru Besar dimohon untuk mengenalpasti agihan kepada guru-guru dibuat dengan kaedah yang sesuai sama ada secara guna sama atau menetapkan individu atau guru yang akan menyimpannya supaya ia tidak menimbulkan kesulitan dan guru-guru yang menggunakannya boleh mengakses internet dan VLE secara maksimum.
- c. Pihak sekolah dinasihatkan mencatat/merekod pergerakan *dongle* tersebut untuk memastikan ia mudah dikesan lokasinya atau individu yang memegangnya.

4. PENGGUNAAN

- a. Penggunaan *dongle* adalah tertakluk kepada penggunaan pengajaran dan pembelajaran sahaja.
- b. *Dongle* ini akan dibekalkan bersama dengan Go Live Pack (GLP) yang mengandungi manual penggunaan dan penerangan mengenai VLE.
- c. Setiap *dongle* boleh digunakan oleh mana-mana individu menggunakan ID pengguna dan Kata Laluan yang telah dibekalkan untuk setiap guru. Walau bagaimanapun akses internet adalah tertakluk kepada had pelan data yang telah ditetapkan.

- d. *Dongle* berupaya mengakses VLE tanpa had pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja yang mempunyai liputan 4G.

5. KESELAMATAN

- a. Walaupun *dongle* tersebut adalah hak milik syarikat namun pihak sekolah dimohon untuk merekodkan *dongle* tersebut menggunakan kaedah yang sesuai supaya tidak timbul kekeliruan dikalangan guru yang menggunakannya.
- b. Sebarang kerosakan/kehilangan kepada *dongle* tersebut hendaklah dilaporkan kepada pihak Helpdesk 1BestariNet di talian 018-7998787 atau email moesupport@yticomms.my.
- c. Sila pastikan bahawa *dongle* sentiasa berada pada individu yang sah dan layak, tertakluk kepada penggunaan dengan tujuan akses kepada VLE dan penggunaan dalam pengajaran dan pembelajaran.